

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 13 OGOS 2018 (ISNIN)**

**SOALAN : 32**

**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status penaiktarafan Pelabuhan Sepanggar dengan anggaran RM 1 bilion yang diumumkan terdahulu.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelabuhan Sepanggar adalah pelabuhan yang terletak di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah dan dikawalselia melalui Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah. Manakala Syarikat Sabah Port Sdn. Bhd. merupakan syarikat operator yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Sabah dalam mengendalikan operasi Pelabuhan Sepanggar.

Projek naik taraf Pelabuhan Kontena Teluk Sapanggar merupakan projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu dengan anggaran kos sebanyak RM1.027 bilion. Projek ini tadbir urus oleh *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA).

Berdasarkan kepada kemajuan projek yang dilaporkan oleh Unit Perancang Ekonomi, kajian-kajian di antaranya Kajian Tanah (*soil investigation*) dan Kerja Ukur Tanah yang melibatkan *topographical survey*, *hydrological survey* dan *utility mapping* telah dilaksanakan. Manakala Kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental impact assessment*) dijangka selesai pada bulan November 2018.

Walau bagaimanapun, disebabkan kekangan kewangan Kerajaan Persekutuan buat masa ini maka peruntukan perbelanjaan bagi tahun 2018 bagi pelaksanaan projek Pelabuhan Sepanggar, Sabah ditangguhkan dengan serahan siling kepada Kementerian Kewangan sebanyak RM2.99 juta.

Unit Perancang Ekonomi melaporkan bahawa proses lantikan perunding kejuruteraan dan perunding pakar melalui perolehan secara tender terbuka bagi projek tersebut akan dibuat pada awal tahun 2019. Menurut Unit Perancang Ekonomi juga sehingga 30 Jun 2018 projek ini telah berbelanja RM3.4 juta.